

17 JUL 2001

Syed Hamid-Powell

SYED HAMID JUMPA POWELL DALAM SUASANA MESRA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 17 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar mengadakan pertemuan sulung dengan rakan sejawatannya di Amerika, Collin Powell dalam suasana "baik dan mesra" di Jabatan Negara di sini pada hari Isnin.

Syed Hamid menyifatkan pertemuannya dengan Setiausaha Negara yang meliputi isu-isu dua hala dan serantau itu sebagai "berhasil dan berjaya."

Menteri itu berkata pertemuan itu bagi membolehkan beliau berkenalan dengan Powell sebelum berlangsungnya Mesyuarat Peringkat Menteri Asean dan Forum Serantau Asean di Hanoi minggu depan.

Jurucakap Jabatan Negara berkata Powell dan Syed Hamid mengadakan perbincangan secara umum mengenai perkara-perkara kepentingan bersama menjelang mesyuarat di Hanoi itu.

"Setiausaha negara menyambut baik minat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) untuk mengadakan hubungan dua hala yang lebih baik. Bagaimanapun AS masih bimbang terhadap soal hak asasi manusia di Malaysia," kata jurucakap itu.

Ketika ditanya pada persidangan media kemudiannya sama ada perbincangan mereka tertumpu kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim, Syed Hamid berkata Anwar ada disebut tetapi bukan sebagai fokus perbincangan.

Syed Hamid berkata beliau gembira mendapati pentadbiran Bush bersikap "lebih terbuka dan memandang ke hadapan" dalam pendekatan dasar luarnya.

Semasa di sini Syed Hamid juga mengadakan siri pertemuan dengan beberapa senator Amerika, seorang penasihat kanan keselamatan negara, pertubuhan bukan kerajaan dan penuntut Malaysia.

Beliau juga menghadiri majlis makan tengah hari selama sejam dengan bekas setiausaha pertahanan William Cohen dan berbincang secara meluas mengenai isu-isu AS-Malaysia.

Cohen, yang dikatakan seorang rakan rapat Anwar, telah bersuara lantang mengenai penangkapan Anwar semasa beliau berkhidmat sebagai setiausaha pertahanan dalam pentadbiran Clinton.

Sebelum ke sini Syed Hamid berada di Mali untuk menghadiri satu mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan kemudian ke Maghribi, Libya, Rusia dan Poland untuk mempromosi minyak sawit dan kereta Proton.

Menurut Syed Hamid, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dijemput untuk melawat Rusia pada bulan September.

-- BERNAMA

SH ZS RYN NMO